



## **YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA (MALAYSIA CRIME PREVENTION FOUNDATION)**

Lot F1-24, 1<sup>st</sup> Floor City Point Kompleks Dayabumi  
Jalan Sultan Hishamuddin  
50050 Kuala Lumpur , Malaysia  
Tel : 603-2260 1954 Fax : 603-2272 4325  
Email : [support@emcpf.org](mailto:support@emcpf.org) website : [www.empcf.org](http://www.empcf.org)

### **KENYATAAN AKHBAR DIKELUARKAN OLEH NAIB PENERUSI YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA (MCPF) TAN SRI LEE LAM THYE**

Tragedi yang berlaku keatas adik William Yau Zhen Zhong telah mengejutkan seluruh Negara kerana satu lagi nyawa anak kecil yang tidak berdosa hilang dalam sekelip mata dan ditemui mati dalam sungai selepas seminggu kejadian berlaku.

Semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum merasa amat sedih di atas tragedi tersebut dan bersimpati dengan ibu bapa mendiang William Yau.

Dalam menunggu pihak berkuasa menyasat dan mengenalpasti punca kematian William Yau, hakikatnya adalah kematian tersebut tidak boleh diterima oleh seluruh rakyat Malaysia walau apa pun punca sebenarnya.

Dalam hubungan ini Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) mencadangkan kepada Kerajaan untuk melancarkan satu pergerakan di seluruh negara untuk mendidik dan memastikan perlindungan dan keselamatan kanak-kanak yang melibatkan semua lapisan masyarakat.

MCPF akan terus berganding bahu bersama semua badan, agensi, syarikat dan individu yang perihatin di dalam isu ini serta mengerakkan kempen bagi menjadikan Negara kita selamat dan sejahtera.

Ekoran daripada perbuatan jenayah yang zalim terhadap kanak-kanak seperti penculikan, serangan, penganiayaan, liwat, rogol dan juga pembunuhan, kita kini perlu lebih mendidik anak-anak bagaimana untuk melindungi diri mereka sendiri.

Melindungi anak-anak dari keganasan adalah suatu komponen yang menyeluruh dalam membela hak mereka untuk hidup, membesar dan pembangunan diri.

Melindungi anak-anak dari perbuatan jenayah yang keji adalah merupakan tanggungjawab semua. Ia bukan sahaja tugas pihak berkuasa yang berkenaan dalam melindungi anak-anak tetapi masyarakat secara keseluruhannya harus turut memainkan peranan mereka.

Perlindungan ke atas anak-anak harus dimulakan oleh ibu bapa dan dari rumah. Ibu bapa perlu tahu di mana anak mereka berada sepanjang masa. Mereka perlu mendidik anak-anak mereka bagaimana untuk respons kepada sebarang situasi yang berbahaya.

Ibu bapa dan penjaga kepada anak-anak harus sentiasa berhati-hati dan berwaspada bagi memastikan keselamatan terbaik untuk anak-anak mereka.

Ibu bapa juga harus menasihatkan anak-anak mereka supaya berhati-hati terhadap orang yang tidak dikenali, mendidik mereka tentang keselamatan dan apa yang perlu mereka lakukan apabila sesuatu insiden berlaku.

Ibu bapa perlu sentiasa memantau di mana anak-anak mereka berada dan tidak melepaskan mereka tanpa diawasi.

Anak-anak perlu dididik untuk berasa sangsi atau was-was terhadap orang yang mereka tidak kenali pada setiap masa dan tidak mudah percaya dengan godaan mereka.

Sekolah boleh memainkan peranan yang penting di dalam hal ini. Saya mencadangkan pendidikan keselamatan kanak-kanak di perhebatkan di sekolah-sekolah rendah kerana mereka adalah mudah terdedah kepada berbagai risiko terutamanya apabila tidak dibekalkan dengan pendidikan tentang keselamatan.

Pihak polis dan pihak berkuasa yang lain juga boleh melaksanakan pelbagai langkah bagi memastikan perlindungan yang lebih baik terutama untuk kanak-kanak khususnya dan orang awam secara amnya.

Langkah-langkah seperti rondaan kaki dan bermotor di kawasan yang berisiko tinggi harus di perhebatkan; kerap mengadakan sesi dialog dengan penduduk dan pertubuhan perniagaan bagi membolehkan kedua-dua belah pihak menyuarakan kebimbangan terhadap isu keselamatan serta mengadakan lebih banyak kempen pencegahan jenayah.

Pihak berkuasa tempatan perlu mengenal pasti lebih banyak kawasan untuk dipasangkan Kamera Litar Tertutup (CCTV) dan memberi lebih banyak perhatian terhadap pencahayaan yang baik di lorong-lorong dan simpang-simpang jalan yang gelap dan sunyi.

**TAN SRI LEE LAM THYE**  
**NAIB Pengerusi**  
**YAYASAN PENCEGAHAN JENAYAH MALAYSIA (MCPF)**

MCPF\_KenyataanAkhbar\_Child\_26Jan2013